

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 10.11.2025 MASA: 10:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM PERTANDINGAN SENI KOLAM SEKOLAH
JENIS KEBANGSAAN TAMIL (SJKT) ANJURAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI BAGI TAHUN
2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**11 NOVEMBER 2025 (SELASA)
3.00 PETANG**

**DEWAN DATO HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

1. Yang Dihormati

En Cheen Goon Hoi

En Zainuddin Bin Mohamed

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

Whip Majlis Bandaraya Seberang Perai

2. Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed

Sarajudin

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Merangkap

Penyelaras Program

4. Yang Berusaha En Kanda Kumar A/I M Doraisamy

Ketua Juri Daripada Malaysian Nature Society

5. Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-

Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

6. Yang Dihormati Guru-Guru dan Pelajar-Pelajar

**7. Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama pada petang yang penuh warna dan makna ini bagi **Program Pertandingan Seni Kolam Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai Bagi Tahun 2025**.
2. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada **pihak sekolah, para guru pembimbing, para pelajar, panel penilai serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga, masa dan idea** bagi menjayakan program yang penuh nilai seni dan kelestarian ini.
3. Seperti yang diketahui semua, **seni kolam atau ranggoli** merupakan lambang tradisi dan budaya yang halus, mencerminkan kesabaran, ketelitian dan keharmonian hidup bersama alam. Ia bukan sekadar hiasan, tetapi **manifestasi jiwa yang menghargai keseimbangan dan keindahan**.
4. Melalui pertandingan ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bukan hanya meraikan warisan budaya masyarakat India, bahkan

menyuntik dimensi baharu dengan menekankan penggunaan bahan kitar semula dan bahan semula jadi. Pendekatan ini bertepatan dengan hasrat MBSP untuk melahirkan **generasi muda yang celik alam sekitar, kreatif dan berinovasi dalam menjaga kelestarian bumi.**

5. Saya dimaklumkan bahawa sebanyak 21 buah **Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)** di seluruh Seberang Perai telah dijemput untuk menyertai program pada hari ini, dengan setiap pasukan terdiri daripada dua (2) orang guru dan tiga orang pelajar. Mereka diberikan masa **tiga (3) jam** untuk menyiapkan hasil seni kolam yang menakjubkan dengan menggunakan bahan seperti **kertas, kotak, bunga kering, daun kering, rempah ratus dan bahan semula jadi lain** yang menggambarkan kreativiti tanpa batas.
6. Penggunaan bahan kitar semula dalam pertandingan ini bukan sekadar simbolik, tetapi **pendidikan dalam tindakan**, iaitu mendidik anak-anak kita bahawa apa yang kita buang boleh menjadi sesuatu yang indah dan bernilai. Inilah erti sebenar inovasi: mengubah sesuatu yang biasa menjadi luar biasa dan sesuatu yang dibuang menjadi sumber kehidupan baharu.
7. Program seperti ini amat bertepatan dengan **Dasar Pengasingan Sisa Di Punca** serta visi **MBSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2030.** Ia juga seiring dengan falsafah

“Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.”

8. Saya percaya, melalui pendekatan pendidikan dan kesedaran di peringkat sekolah, kita sedang **menyemai benih tanggungjawab alam sekitar sejak usia muda**. Anak-anak ini kelak akan menjadi warga yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berjiwa lestari dan generasi yang memahami bahawa menjaga bumi adalah satu amanah, bukan pilihan.
9. Saya amat berharap agar program seperti ini **tidak hanya menjadi acara tahunan semata-mata**, tetapi berkembang menjadi platform yang menggabungkan **seni, budaya dan kelestarian**. Semoga para guru terus membimbing murid bukan hanya untuk berdaya saing dalam pelajaran, tetapi juga berdaya empati terhadap alam dan masyarakat.
10. Kepada para pelajar, saya ingin berpesan, **biarlah seni yang anda hasilkan hari ini menjadi simbol cinta anda kepada bumi**. Jadikan setiap warna yang anda hamparkan sebagai lambang semangat menjaga kelestarian. Ingatlah, masa depan dunia ini berada dalam tangan anda.

11. Akhir kata, saya merakamkan **ucapan tahniah kepada semua peserta dan sekolah yang mengambil bahagian.** Kepada para pemenang, tahniah atas kejayaan yang diraih; dan kepada yang tidak berjaya, yakinlah bahawa penyertaan anda hari ini adalah kemenangan dalam ilmu, pengalaman dan nilai kehidupan.

Sekian, terima kasih.

“Nandri. Vanakkam.”

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.